



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM EKO KOMUNITI #TRASHTOCASH KUALER CAR FREE DAY DI KUALA KANGSAR, PERAK



Pada 1 Disember 2019, Program Eko Komuniti *#trashtocash* Kualer Car Free Day berlangsung di Kuala Kangsar, Perak dan disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kesejahteraan Bandar KPKT, YBhg. Datuk Azhar bin Ahmad yang mewakili Timbalan Menteri KPKT, YBM Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Ibni Raja Ahmad Baharuddin Shah. Inisiatif ini bertujuan untuk mengalakkan penglibatan komuniti setempat menjaga kebersihan serta mengutamakan kesihatan dalam kehidupan seharian selari dengan Dasar Komuniti Negara dan Dasar Kebersihan Negara yang telah dilaksanakan pada tahun ini.

Menurut YBM Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, secara keseluruhan setiap individu di Malaysia menjana sekurang kurangnya 1.17 Kilogram (kg) sisa setiap hari dan ia akan terus meningkat seiring dengan pertambahan populasi penduduk. Peningkatan sisa ini menimbulkan isu kebersihan seperti pengurusan sampah yang tidak teratur, tabiat membuang sampah merata-rata serta tahap kebersihan tandas dan premis makanan yang kurang memuaskan.

Malahan, persekitaran yang tidak bersih juga boleh menyebabkan kehadiran vektor seperti tikus, lalat dan nyamuk yang menjadi punca pelbagai penyakit dan wabak seperti denggi, malaria, leptospirosis (kencing tikus).

Sementara itu, pelbagai aktiviti yang diadakan untuk komuniti sepanjang program ini berlangsung antaranya ialah plogging, audit sampah, pelancaran hero komuniti dan memanah. Terdapat juga lawatan ke Pasar Besar Kuala Kangsar serta kawasan sekitarnya dan melihat lokasi yang berpotensi untuk dibaik pulih oleh Kementerian. Walaubagaimanapun, penduduk harus bersatu padu untuk memastikan persekitaran sentiasa bersih agar bebas daripada sebarang penyakit.

Oleh itu, program Kuale Car Free Day yang turut diadakan banyak memberi manfaat kepada persekitaran yang lebih hijau dengan mengurangkan pencemaran udara. Program ini juga dilaksanakan agar dapat memberi peluang kepada komuniti untuk meluangkan masa melakukan aktiviti seperti berbasikal dan berjalan kaki untuk menikmati pemandangan jalan raya yang biasanya sibuk pada hari-hari lain sebagai ruang untuk beriadah dan berinteraksi dengan lebih selamat.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat